

**UCAPAN PERASMIAN
MAJLIS PELANCARAN OPERASI SERENTAK
PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN ASAP DARI
KENDERAAN DIESEL DAN PETROL DI SEPANJANG
LEBUHRAYA DAN JALANRAYA UTAMA PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN BIL. 1/2008**

DI _____

28 APRIL 2008

OLEH

Saudari Pengerusi Majlis,

**Yang Berbahagia _____,
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri _____**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Alam
Sekitar**

Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Asalamualaikum dan Selamat pagi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri _____, kerana menjemput saya untuk hadir sama serta merasmikan majlis pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah sudi melapangkan masa untuk bersama-sama berada diperkarangan _____ ini bagi menjayakan Majlis Pelancaran Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Dari Kenderaan Diesel & Petrol Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalan Utama Peringkat Kebangsaan Tahun Bil. 1/2008 ini.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sepertimana kita semua sedia maklum bilangan kenderaan di negara kita semakin meningkat pada tahap hampir 10% setiap tahun. Kenderaan yang tidak dijaga dengan baik antara lain mengakibatkan pelepasan asap yang mengandungi gas-gas yang menyebabkan udara persekitaran menjadi tercemar yang boleh memudaratkan kesihatan dan alam sekitar.

Dengan yang demikian, adalah amat penting bagi pemandu serta tuan punya kenderaan serta pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan sama ada diesel ataupun petrol memastikan supaya semua kenderaan yang mereka gunakan diservis atau diselenggara dengan sempurna dan berjadual supaya tidak melepaskan gas-gas pencemar dan asap hitam yang berlebihan.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Objektif utama program penguatkuasaan pelepasan asap dari kenderaan diesel dan petrol adalah untuk memastikan tiada lagi kenderaan dijalan-jalan raya di negara kita ini yang tidak mematuhi undang-undang kawalan pelepasan asap dari kenderaan.

Khusus untuk kenderaan berenjin diesel sejak bulan Julai tahun 2007, Jabatan Alam Sekitar mula menggunakan Sistem Komputer "Vehicles Emission Monitoring Information System" atau VEMIS semasa menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan di lapangan. Semua maklumat berkaitan kenderaan akan dimasukkan di dalam sistem berkenaan dan kompaun bagi kenderaan yang gagal mematuhi had pelepasan asap hitam

akan dikeluarkan secara cetakan 'on-the-spot'. Sistem berkomputer ini akan memudahkan lagi pegawai penguatkuasaan menyemak kes-kes kesalahan berulang supaya denda yang lebih berat akan dikenakan kepada pihak terbabit. Disamping itu semua rekod-rekod berkaitan kenderaan yang dikompaun tersebut akan juga dimasukkan secara terus ke dalam Laman Web Jabatan untuk pengetahuan umum.

Jabatan Alam Sekitar juga kini dalam proses membuat pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi membolehkan pelaksanaan penguatkuasaan pelepasan asap hitam kenderaan diesel dibuat melalui kaedah 'visual' (visible smoke inspection) dengan menggunakan kamera video. Jabatan Alam Sekitar menjangkakan kaedah pemeriksaan secara 'visual' akan lebih berkesan lagi kerana akan dapat mengoptimumkan sumber sedia ada terutamanya dari segi bilangan pegawai penguatkuasa yang diperlukan. Jika dengan kaedah biasa melalui operasi statik, menggunakan peralatan pengukuran asap memerlukan 5-7 orang pegawai penguatkuasa untuk satu lokasi, dengan kaedah visual menggunakan kamera video, 5-7 orang pegawai penguatkuasa akan dapat berada di lokasi-lokasi yang berbeza secara serentak. Dengan ini liputan operasi penguatkuasaan akan lebih meluas lagi.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri _____, sepanjang tahun 2007 sebanyak _____ pemerhatian telah dibuat di mana _____ saman kompaun telah dikeluarkan kerana gagal mematuhi had pelepasan asap hitam 50 HSU manakala sejumlah _____ buah

kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi kerana melepaskan asap hitam yang tebal melebihi 70 Hartridge Smoke Units(HSU). Pada tahun ini bermula dari **1 Januari hingga 31 Mac 2008**, sebanyak _____ pemerhatian telah dibuat di mana _____ saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah _____ buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi. Statistik ini menunjukkan tahap pematuhan yang masih rendah.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalan Utama Peringkat Kebangsaan ini merupakan satu lagi usaha yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar ke arah mempertingkatkan lagi penguatkuasaan asap hitam dari kenderaan selain daripada penguatkuasaan berjadual yang dijalankan secara berasingan oleh setiap JAS Negeri diseluruh negara.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Bagi membantu pemandu dan tuannya kenderaan mengetahui tahap pelepasan asap kenderaan mereka sebanyak 53 buah pusat 'Kemudahan Yang Diluluskan' atau bengkel kenderaan telah diwujudkan diseluruh negara. Pemandu atau tuannya kenderaan diesel bolehlah memilih pusat-pusat kemudahan ujian atau bengkel berkenaan yang berhampiran untuk menjalankan ujian pelepasan asap bagi mengetahui tahap pelepasan asap kenderaan masing-masing.

Sukacita saya ingin menarik perhatian Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan kepada **“Arahan kenderaan tidak boleh dikompaun dalam tempoh dua (2) bulan selepas pemeriksaan PUSPAKOM adalah tidak lagi terpakai”**. Jabatan Alam Sekitar telah membuat ketetapan bahawa tindakan penguatkuasaan boleh diambil ke atas kenderaan yang didapati melepaskan asap melebihi had yang dibenarkan setelah diuji dengan meterasap tanpa mengambil kira tempoh masa selepas kenderaan tersebut lulus ujian PUSPAKOM.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Dengan pelancaran kempen ini, saya juga berharap ianya dapat mempertingkatkan lagi kesedaran orang ramai khususnya pemandu dan tuan punya kenderaan supaya menjaga kenderaan masing-masing dengan baik sepanjang masa. Marilah sama-sama memainkan peranan kita demi kesejahteraan alam sekitar yang lebih bersih untuk kita serta keluarga kita menikmati.

Akhir sekali, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Dari Kenderaan Diesel dan Petrol Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalanraya Utama Peringkat Kebangsaan Bil.1/2008.

Terima kasih.